

Keindahan pantai terhakis ditelan lautan

» Penduduk mahu tindakan segera diambil elak masalah berlarutan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim, Fitri Nizam dan Faizul Azlan Razak
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Terengganu

Keindahan pantai memutih sepanjang 244 kilometer di negeri ini menjadi antara tarikan utama pelancong dalam dan luar negara suatu ketika dahulu, namun sebahagiannya kini sudah hilang ditelan lautan.

Tinjauan BH di empat pantai dianggap paling kritikal, iaitu Pantai Teluk Lipat, Pantai Rusila, Tanjung Gelam dan Bukit Keluang, mendapati hakisan bukan sahaja memusnahkan landskap menarik di lokasi berkenaan, malah turut mendedahkan penduduk setempat kepada risiko kehilangan harta benda dan nyawa.

Peniaga di Pantai Teluk Lipat, Mohd Ali Abdullah, 62, yang menetap tidak jauh dari pantai berkenaan, berkata lebih 10 tahun lalu, jarak di antara pantai dan jalan lebih kurang 50 meter, namun kini mengecil kepada hanya kira-kira 10 meter disebabkan pelbagai faktor, terutama cuaca yang kadang kala ekstrem dan sukar diramal.

“Ketika fenomena air pasang besar baru-baru ini, ombak setinggi lima hingga enam meter menghempas pantai dan jalan juga tidak

terkecuali dihakis. Tak dapat dibayangkan nasib orang awam, terutama pengguna jalan ini jika kereta atau motosikal mereka dipukul ombak besar,” katanya.

Hidup dalam ketakutan

Tinjauan di Pantai Rusila pula mendapati pemilik chalet dan pusat peranginan di situ mengambil inisiatif sendiri menambak pantai bagi mengelakkannya terus terhakis. Ancaman sama juga berlaku di Pantai Tanjung Gelam, namun lebih teruk kerana tidak sampai setahun, hampir 100 meter pantai sudah ditelan laut.

Penduduk di situ yang rumahnya hampir musnah dipukul ombak ketika fenomena air pasang besar bulan lalu, Mohd Yahya Muda, 50, berkata beliau dan lapan ahli keluarganya hidup dalam kebimbangan dengan ancaman ombak besar dan jarak di antara kediaman mereka dengan pantai yang semakin hampir.



“Saya baharu ubahsuai dapur dan tambah beberapa bilik di belakang rumah, namun sebahagian besar kediaman hampir musnah dipukul ombak,” katanya yang berharap kerajaan negeri mempercepatkan proses pemberian tanah supaya penduduk di kawasan berisiko dapat

berpindah segera.

Kemudahan rosak

Kerajaan negeri sebelum ini memberi pilihan kepada penduduk terjejas akibat fenomena air pasang besar di Tanjung Gelam dan Kampung Mengabang Tengah, sama ada memilih rumah kos rendah disediakan atau tanah baharu di kawasan yang akan dimaklumkan nanti untuk membina rumah baharu.

Sementara itu, tinjauan BH di Bukit Keluang, Besut mendapati pantai perkelahan tumpuan ramai itu berubah wajah apabila laluan pejalan kaki dan benteng konkrit rosak akibat fenomena air pasang besar dan angin kuat, malah batu dan bukit di tepi pantai turut terhakis.

Pemancing, Muhamad Talib Abd Karim, 36, dari Kampung Tembila di sini, berkata lokasi itu unik kerana adanya struktur batuan di tepi pantai dan banyak gua kecil, namun kini terancam akibat fenomena air pasang besar

yang menyaksikan ombak membadai hingga laluan pejalan kaki yang terletak lebih 30 meter dari pantai.

Bimbang ditelan laut

“Akiab air pasang besar minggu lalu, laluan pejalan kaki dan kaki bukit berhampiran muara runtuh dipukul ombak besar. Saya bimbang jika tindakan segera tidak diambil, pantai yang terkenal dengan kisah tempat persembunyian lanun ini juga akan hilang ditelan lautan,” katanya.

Katanya, penduduk amat berharap tindakan segera diambil bagi memastikan pantai yang terletak hanya beberapa kilometer dari pekan Kuala Besut itu terus menjadi tumpuan pengunjug tempatan dan luar daerah ini, bukan terkubur dalam lipatan sejarah akibat ancaman hakisan.

Islam daripada di-mecah-belahkan kesatuan is- adalah golongan yang mem-cengkaman Israel, kata...

Enam pantai kritikal terdedah ancaman hakisan

Kuala Terengganu: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengenal pasti enam pantai, termasuk satu di Kelantan berada dalam keadaan kritikal dan projek menegah hakisan termasuk pembinaan benteng pemecah ombak perlu dilakukan segera menggunakan peruntukan di bahagian kerje darurat.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata Kerajaan Pusat meluluskan peruntukan segera sebanyak RM14 juta bagi membolehkan kerja pemecahan hakisan termasuk projek menanam pasir dan pembinaan struktur pemecah ombak dilakukan.

Katanya, enam pantai di Terengganu dan Kelantan yang di-



Pembinaan benteng pemecah ombak siap dijalankan di pantai Tok Jembal.

FOTO ASMAH ALIAS/BH

Pantai Kemasi di Kemaman (RM2 juta), Pantai Tanjung Gelam, Kuala Nerus (RM3 juta) serta Pantai Kundur di Kelantan de-

hakisan pantai di Tok Jembal, sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azaan Ahmad, Pengarah Unit 1 Rancangan Ekonomi negeri (UPE1) Zainal Abidin Husaini, Pegawai Daerah Kuala Nerus, Azmi Raz dan Pegawai Pembangunan Kuala Nerus, Datuk Basir Ismail.

Wan Junaidi berkata, Kerajaan Pusat juga meluluskan peruntukan RM15 juta untuk melaksanakan projek tebatan banjir, termasuk dan menaik taraf Sungai Cepuh, Telanog, serta melaksanakan projek tebatan banjir Kuala Terengganu utara berjumlah RM10 juta.

Katanya, sebanyak RM12 juta diperuntukkan untuk melaksanakan sistem saliran mesalam di Kampung Gong Kiat di

Keratan laporan BH, semalam.



Mohd Yahya melihat bahagian bilik tidur rumahnya yang hampir musnah dipukul ombak besar di Tanjung Gelam, Mengabang Telipot.



Pengunjung dilarang menghampiri kawasan terhakis di Bukit Keluang. (FOTO IMRAN MAKHZAN/BH)



BUKIT KELUANG, BESUT